

SUKAN SEA/Pasukan silat kebangsaan

Pesaka perlukan - 6 JUL 1987 khidmat Suziana

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) tetap memerlukan tenaga pesilat wanita kebangsaan, Wan Suziana Wan Noor dari Kelantan untuk mengikuti latihan peringkat kedua pada 10-20 Julai sebagai persiapan ke Sukan SEA di Jakarta September ini.

Wan Suziana, 18, tidak mengikuti latihan peringkat pertama pada 10-24 Jun lalu kerana mengalami kecederaan ketika menjalani latihan perguruan silatnya di Kota Bharu.

Bagi menggantikan kekosongan itu, Pesaka memanggil naib johan peringkat kebangsaan, Siti Anida Mahadi dari perguruan Silat Gayong Pathani, Kuala Lumpur. *PINJUK SILAT*

Siti Anida yang baru mendaftar mengikuti pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sudah menjalani latihan pusat selama 14 hari di Kompleks Sukan kampung Pandan.

Sebagai siswi baru UKM, Siti Anida turut menghadapi masalah untuk mengikuti latihan peringkat kedua nanti.

B. Harian (M)

Pengerusi Biro Silat Olahraga, Basiron Haji Hamit, memberitahu Pesaka akan mendapatkan kerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN), meminta kebenaran daripada UKM bagi membolehkan Siti Anida mengikuti latihan.

Menurutnya, Wan Suziana adalah pesilat wanita yang baik sebab itu tenaganya memang diperlukan. "Kami berharap guru silatnya dapat mengusahakan penyertaannya dalam latihan peringkat kedua nanti," tambahnya.

● Sementara di Kota Bharu, Guru Silat Terlak Empat Kelantan, Mohd Noor Mahmood menolak dakwaan bahawa Wan Suziana mengalami kecederaan, tetapi dikatakan mendapat halangan daripada keluarganya.

Kursus

■ PARA peminat silat boleh mendaftarkan diri untuk mengikuti satu kursus seni silat anjuran bersama Jawatankuasa Penduduk Yuhua Zon 1 dan Persatuan Seni Silat Setiaha. **13 JUL 1987**
Pendaftaran boleh dibuat di Pusat RC Zon 1 Yuhua, Blok 260, Jurong East Street 24, dari hari ini hingga lusa mulai 7.30 malam.

SILAT SUKAN SEA/Latihan

Siti Anida: Pesaka kecewa - 19 JUL 1987 langkah UKM

B. Minggu (M)

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) kecewa dengan keputusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang gagal membenarkan pesilat kebangsaan, Siti Anida Mahadi menjalani latihan peringkat kedua dalam persiapan ke Sukan SEA Jakarta September ini, lapor **MOHD RAHIME YUSOF**.

Siti Anida dipilih mewakili negara menggantikan jaguh kebangsaan kelas D, Wan Suziana Wan Noor yang menarik diri atas sebab-sebab peribadi.

Beliau baru mendaftar mengikuti pengajian Sains Kemasyarakatan di universiti itu, sebelum ini mengikuti latihan peringkat pertama pada 10-24 Jun lalu.

Pesaka sudah mengutus surat kepada pentadbir UKM untuk pelepasan itu bagi membolehkannya mengikuti latihan, tetapi gagal.

Bagaimanapun empat peserta wanita yang lain tetap meneruskan latihan mereka iaitu Siti Azahariah Hussien, Salbiah Salleh, Khatijah Salleh dan Zaleha Suradi.

Naib pengerusi Pesaka, Anuar Abdul Wahab, berkata kegagalan Siti Anida mengikuti latihan mungkin menjejaskan kewibawaannya jika berpeluang menjalani latihan peringkat ketiga nanti.

Katanya, Pesaka meminta UKM agar memahami keadaan ini.

Kami mengetahui masalah Siti Anida sebagai siswi baru, tetapi berharap UKM dapat memberi kerjasama demi kepentingan sukan negara," jelasnya.

Siti Anida, 19, dari perguruan Gayong Pathani Kuala Lumpur menduduki tempat kedua bagi kelas itu bila tewas kepada Wan Suziana dalam pemilihan pesilat wanita kebangsaan April lalu.

Bagaimanapun, kegagalan Wan Suziana mengikuti latihan pusat Jun lalu bila tidak mendapat restu dari keluarga, membuat Pesaka memanggil Siti Anida mengisi kekosongan itu.

Anuar yang juga jurulatih silat kebangsaan, berkata latihan peringkat kedua lebih menumpu kepada ciri-ciri kesihatan, fizikal, teknik dan taktik persilatan.